

29 September 2022

Koperasi Anggota KOPSYA,

Y.Bhg. Tan Sri/Y.Bhg. Pn Sri/Y.Bhg. Datuk Seri/Y.Bhg. Dato'/Y.Bhg. Datin/Tuan/Puan,

**PER: 1. KAEDAH PERLAKSANAAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPSYA
KALI KE-8 SECARA GABUNGAN FIZIKAL DAN MAYA (HYBRID)
2. PELANJUTAN TARIKH AKHIR PENGHANTARAN BORANG PERWAKILAN**

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas dan notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KOPSYA Kali Ke-8 yang bertarikh 30 Ogos 2022 dan Pindaan Kaedah bertarikh 23 September 2022.

Dimaklumkan KOPSYA telah mendapat surat persetujuan dan tiada halangan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 29 September 2022 yang membenarkan MAPT KOPSYA kali ke-8 dilaksanakan **secara gabungan fizikal dan maya (hybrid)**. Untuk makluman Koperasi Anggota, pelaksanaan MAPT secara *hybrid* adalah dibawah subsekyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 iaitu GP14B : Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Semasa Penularan Pandemik Covid-19.

Makluman terkini MAPT KOPSYA kali ke-8 adalah seperti berikut :

Kaedah : Gabungan Fizikal dan Maya (Hybrid)
Tarikh : 29 Oktober 2022 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Lembah Klang (akan dimaklumkan dalam masa terdekat)

Sila rujuk keterangan di bawah :

Per.	Senario	Tindakan
1.	Koperasi yang telah menghantar Borang Perwakilan	Lengkapkan Borang 2A(1) sahaja
2.	Koperasi yang belum menghantar Borang Perwakilan	Lengkapkan Borang 2A, 2A(1) dan 2B

Borang 2A(1) adalah seperti dilampirkan dan Borang Perwakilan 2A dan 2B yang dikeluarkan sebelum ini masih sah terpakai.

Memandangkan terdapat makluman terkini berkaitan kaedah mesyuarat, KOPSYA akan melanjutkan tempoh menghantar borang jawapan kehadiran kepada **7hb Oktober 2022 (Jumaat)**. Segala dokumen diatas perlu dihantar melalui e-mel, faksimili atau pos dan hendaklah diterima oleh KOPSYA **sebelum jam 5 petang** pada hari tersebut.

Sebarang pertanyaan sila hubungi pejabat KOPSYA di talian 03 – 7803 1214 atau urusetia KOPSYA (seperti dilampiran).

Sebarang kesulitan amat dikesali.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Dengan perintah Anggota Lembaga Koperasi,
KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD


DATO' HJ NIK HASSAN FAUZI BIN HJ NIK ABDULLAH
Setiausaha

s.k Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota Lembaga Koperasi, KOPSYA
Jawatankuasa Audit Dalaman, KOPSYA